

# Guru silat: Persisi akan amalkan dasar ketat

(14 APR 1980)

Pencak Silat

**PERSEKUTUAN Silat Singapura** (Persisi) akan terus mengamalkan dasar yang ketat dan teratur dalam memilih orang-orang yang layak menjadi guru silat, demikian tegas Setiausaha, Encik Johari Uriff.

Mereka yang berusia ke bawah 25 tahun, dalam keadaan bagaimanapun, tidak akan diterima menjadi guru silat sementara mereka yang sudah melewati usia tersebut masih diperlukan mempunyai pengalaman-pengalaman tertentu sebelum diterima sebagai guru atau instruktur silat.

## Empat aspek

Antara ukurata panduan memilih guru silat yang diamalkan oleh Persisi termasuk menilai pemohon-pemohon dari empat aspek utama:

- **Kematangan**, termasuk pengetahuan dan pengalaman dalam seni silat.
- **Memahami** selok belok sistem persilatan.
- **Fasih** dalam soal-soal pentadbiran silat, dan
- **Berkemampuan** memberikan ceramah mengenai silat.

Di samping itu, seseorang yang layak menjadi guru juga dikehendaki mengetahui serba sedikit bidang perubatan memandangkan, dengan pengetahuan itu, masalah-masa-

lah atau kecederaan kecil yang dialami oleh pesilat semasa mengikuti latihan, akan dapat diberi perhatian segera.

Menyentuh mengenai 'kebolehan' seseorang ahli silat yang layak itu, Encik Johari menarik perhatian bahawa di masa-masa akan datang, memandangkan perkembangan terbaru dalam seni silat, berbagai aspek baru juga perlu ditimbang sama.

Pengalaman seseorang itu mestilah termasuk ketiga-tiga aliran silat iaitu bahagian olahraga, kesenian atau tarian dan pemusatan fikiran (batin).

"Persisi mahukan setiap guru silat yang ada di Singapura merupakan orang-orang yang bukan saja dihormati oleh para pesilat tempatan, tetapi mempunyai kedudukan yang baik dan dipandang di peringkat antarabangsa.

"Silat tidak hidup hanya di Singapura, Malaysia dan Indonesia. Ia akan terus berkembang dan dengan adanya Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat), bererti kesenian ini akan sampai ke negara mana sajanya yang berjaya mempelajari seni itu," tegas Encik Johari.

Memandangkan demikian, tidak ada tolakan dari segi taraf dan mutu seseorang guru silat. Malah ia mungkin diperketatkan lagi di masa-masa akan datang.

"Kita mesti tahu membezakan antara seorang guru silat dengan seorang pesilat

yang sudah mencapai taraf pendekar. Setak pendekar, biar bagaimana cekap pun, tidak bererti dia terus berkebolehan menjadi guru silat. Hari ini keperluan seorang guru tidak sama dengan masa lalu dan kita mesti tamasya sesuaikan diri dengan keadaan dan keperluan semasa," tambahnya

Biarpun Persisi menjangkakan pengaman bersilat secara berterusan selama lima hingga lapan tahun akan membolehkan seorang pesilat mencapai taraf guru, tetapi tidaklah menjadi alasan tunggal yang menyakinkan seseorang itu diiktiraf sebagai guru.

## Keperibadian

Encik Johari kemudian membayangkan betapa di masa-masa akan datang, untuk mempastikan keperibadian dan pengetahuan umum seseorang guru silat juga menandakan taraf pemikiran masyarakat pesilat semasa. Mungkin seseorang guru silat juga diketahui mempunyai kelulutan meninggal sekolah biasa.

"Ini bukanlah satu syarat seperti yang lain. Tetapi ia lebih bersifat menentu seseorang guru silat mempunyai taraf yang baik; kalau tidak tinggi pun, sederhana Kami masih menimbangkannya dan belum membuat keputusan."

Ketika ini, jelasnya, sebahagian besar guru-guru silat Persisi berusia dalam golongan 30an, 40an dan 50an. Hanya seorang yang berusia lewat 20an.

# Tarian2 Silat, pahlawan daya penarik malam Pesta

(23 APR 1980)

Pencak Silat

**PERSEMBAHAN-PERSEMBAHAN** tarian silat dan tarian pahlawan akan merupakan daya penarik dalam Pesta Silat Tiga Negara anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang akan berlangsung selama dua malam di Panggung Negara.

Malaysia, Indonesia dan Singapura yang mengambil bahagian dalam pesta ini, masing-masing akan mempersembahkan tarian silat ini.

Persembahan dari Singapura akan dijayakan oleh para anggota dari seni silat Gamelan Singapura sementara Indonesia akan mengepakkan tarian yang dikenali dengan sendratari dari kumpulan yang terkenal.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff, menerangkan bahawa persembahan malam pertama pesta itu akan dipenuhi dengan persembahan silat dalam bentuk kesenian, pertahanan diri dan kebatinan.

Sementara pada malam kedua - 26 April - persembahan akan tertumpu kepada olahraga silat di samping persembahan silat kebatinan yang dijayakan oleh kumpulan Silat Bambu Runcing.

Seramai 75 orang peserta - 25 orang dari tiap negara - dijangka akan mengambil bahagian dalam pesta dua malam sebagai acara tahunan-

## Dirasmikan

Tiket-tiket untuk pertunjukan itu kini sedang dijual di beberapa buah tempat termasuk Panggung Negara.

Tiket untuk malam pertama berharga \$10, \$6 dan \$3 sementara bagi malam kedua ialah \$4 dan \$2 boleh didapati dari Kedai Buku Haji Hashim (Arab Street dan Geylang Serai), kedai makan Maymoon (di Kantin PUB, Somerset Road), Blok 502, 44C, Bedok North Avenue 3 (tel: 4424669), pejabat Persisi (3 Jalan Penggalang), Blok 58, 101A, Commonwealth Drive (tel: 633136).

Pesta ini akan dirasmikan oleh Presiden Persisi, Haji Yaacob Mohamad.